

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 11 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 77

DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kita masih mendahului atau berada di belakang negara Thailand dan Sri Lanka dalam 'ranking' index HAQ (Health Access And Quality) dan apakah usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mendahului negara-negara di rantau Asia ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Health Access And Quality (HAQ) (dengan izin) adalah kajian yang dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak melalui *Health Care Access And Quality Collaborator* (dengan izin) yang terdiri daripada wakil dari 195 negara termasuk Malaysia. Kajian ini menggunakan data kematian 32 penyakit yang boleh dicegah sebagai proksi untuk mengukur tahap akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan.

HAQ index menunjukkan bahawa Malaysia berada di belakang negara-negara jiran seperti Thailand, Singapura dan Sri Lanka. Walaubagaimanapun, Malaysia menunjukkan trend kemajuan dari sudut pencapaian indeks di mana kita mencapai indeks 54.2 pada tahun 1990, kemudian meningkat kepada 60.3 pada tahun 2000. Pada tahun 2015, pengukuran berdasarkan data Bebanan Penyakit Global 2015 menunjukkan peningkatan indeks kepada 66.6.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dan sedang melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan khususnya melibatkan penyakit-penyakit yang boleh dicegah dan secara tidak langsung akan meningkatkan pencapaian Indeks HAQ kita pada masa akan datang. Ini termasuklah mengukuhkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan primer dengan menekankan aspek pencegahan. Antaranya inisiatif Enhance Primary Health Care serta pelaksanaan Skim Perlindungan Kesihatan bagi golongan B40 (PeKa B40) untuk meningkatkan aktiviti saringan penyakit tidak berjangkit.

Program pemerksaan komuniti yang lebih tersusun dan agresif dilaksanakan dengan melibatkan agensi Kerajaan, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) seperti KOSPEN (Komuniti Sihat Pembina Negara) dan COMBI (*Communication for Behavioral Impact*). Pemimpin komuniti dan NGO dilatih untuk membolehkan mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam mempromosikan gaya hidup sihat dalam masyarakat.

NO SOALAN : 77

Untuk meningkat akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan secara terus, KKM telah menyediakan rangkaian perkhidmatan kesihatan yang lebih hampir dengan orang ramai, antaranya melalui pengukuhan Klinik Komuniti, perkhidmatan penjagaan domisiliari serta pengwujudan lebih banyak pasukan kesihatan bergerak. Selain itu, KKM telah melaksanakan konsep hospital kluster bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan kepakaran untuk memenuhi keperluan pesakit dan perkongsian sumber sediaada di antara hospital pakar dan bukan pakar.

KKM bekerjasama dengan pelbagai Kementerian/ agensi lain serta sektor swasta dalam pelbagai usaha kolaborasi demi memperluaskan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui perkongsian sumber-sumber kesihatan yang sedia ada. Kerjasama antara KKM dan Majlis Agama Islam Negeri akan diperluas dengan mengambil contoh *Pusat Pembedahan Katarak* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) bersama Hospital Selayang dan *Pusat Bersalin Berisiko Rendah* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bersama Hospital Putrajaya .

Sekian, terima kasih.